



## KBS MASTERS GAMES 2024

### PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN CATUR 22 – 24 NOVEMBER 2024 DEWAN BANQUET, CASA 4, MAJLIS SUKAN NEGARA

#### 1. PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Permainan Catur **Persekutuan Catur Dunia (FIDE Laws of Chess)** dan Peraturan Penganjuran Kejohanan **Persekutuan Catur Malaysia (MCF)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan didalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada **KBS MASTERS GAMES 2024**.
  - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang Permainan Catur **Persekutuan Catur Dunia (FIDE Laws of Chess)** dan **Peraturan Penganjuran Kejohanan Persekutuan Catur Malaysia (MCF)**.
  - 1.3.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Catur **KBS MASTERS GAMES 2024** adalah **muktamad**.

#### 2. TARIKH PENDAFTARAN / TAKLIMAT / UNDIAN / PERTANDINGAN

- |     |                           |                                                                                     |
|-----|---------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.1 | Pendaftaran (atas talian) | - 23 Oktober 2024                                                                   |
| 2.2 | Tarikh Tutup Pendaftaran  | - 10 November 2024 (Jam 6:00 petang)                                                |
| 2.3 | Pengesahan Pendaftaran    | - 21 November 2024 (1:00 - 4:00 petang)<br><b><i>Dewan Banquet, Casa 4, MSN</i></b> |
| 2.4 | Majlis Perasmian          | - 21 November 2024 (4:30 petang)<br><b><i>Dewan Banquet, Casa 4, MSN</i></b>        |
| 2.5 | Taklimat Peserta          | - 22 November 2024 (9:00 pagi)                                                      |
| 2.6 | Tarikh Pertandingan       | - 22 - 24 November 2024                                                             |

#### 3. VENUE PERTANDINGAN

- 3.1 Dewan Banquet Majlis Sukan Negara  
Tingkat 2, CASA 4  
Kompleks Majlis Sukan Negara  
Bukit Jalil, Kuala Lumpur



## KBS MASTERS GAMES 2024

### 4. PENYERTAAN

- 4.1 Semua peserta hendaklah membuat pendaftaran melalui **Persekutuan Catur Malaysia (MCF)** menggunakan sistem pendaftaran rasmi di pautan <https://forms.gle/LsyBDnLREsbtbtRSA> (juga terdapat di laman sesawang [www.malaysiachess.org](http://www.malaysiachess.org)) dan perlu disertakan bersama salinan kad pengenalan dan surat pengesahan kesihatan sebelum atau pada 10 November 2024.
- 4.2 Segala kos pemeriksaan kesihatan adalah tanggungjawab sendiri.
- 4.3 Yuran Pendaftaran sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja)** akan dikenakan setiap seorang dan bayaran perlu dibuat kepada **Persekutuan Catur Malaysia (MCF)**.

### 5. KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Penyertaan adalah terbuka mengikut kategori umur 40 tahun dan ke atas yang telah ditetapkan dan terbuka kepada **WARGANEGARA** Malaysia sahaja.
- 5.2 Berumur 40 tahun ke atas atau akan mencapai umur 40 tahun pada tahun 2024 (lahir pada atau sebelum 31hb Disember 1984)
- 5.3 Bukan seorang pemain catur rasmi Malaysia ke mana-mana pertandingan sukan peringkat antarabangsa – samada secara individu atau berpasukan, yang dianjurkan di luar negara untuk tahun kalendar 2024.
- 5.4 Tiada sebarang pertukaran peserta dan acara boleh dibuat setelah tamat tempoh akhir pendaftaran pada **10 November 2024**.

### 6. TAKLIMAT PESERTA

- 6.1 Taklimat peserta akan di adakan pada jam **9:00 pagi, 22hb November 2024** di lokasi/venue kejohanan.
- 6.2 Taklimat peserta akan di ketuai dan dikelolakan oleh Pengarah Kejohanan dan dibantu oleh Ketua Arbiter.
- 6.3 Taklimat peserta akan melibatkan pengesahan nama dan kategori permainan yang disertai serta pencerahan Undang-undang Permainan Catur Antarabangsa yang terkini.
- 6.4 Taklimat juga akan melantik lima (5) pemain yang mengambil bahagian sebagai sebahagian daripada Ahli Juri Rayuan/Bantahan sekiranya terdapat rayuan atau bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pemain.



## KBS MASTERS GAMES 2024

### 7. ACARA / KATEGORI UMUR

- 7.1 Hanya dua(2) Acara Disiplin Catur untuk kedua-dua Lelaki dan Perempuan dengan Kategori umur 40 tahun ke atas yang akan dipertandingkan seperti berikut :

BIL	ACARA	KATEGORI UMUR
1.	Catur Rapid Terbuka (Lelaki dan Wanita)	40 tahun dan ke atas
2.	Catur Blitz Terbuka (Lelaki dan Wanita)	40 tahun dan ke atas

### 8. SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Peraturan pertandingan akan dijalankan mengikut peraturan **KBS MASTERS GAMES 2024** dan **UNDANG-UNDANG PERMAINAN CATUR PERSEKUTUAN CATUR DUNIA (FIDE LAWS OF CHESS)**.
- 8.2 Sebanyak dua (2) disiplin acara permainan yang akan dipertandingkan iaitu Rapid dan Blitz.
- 8.3 Jumlah Pusingan Pertandingan:
- 8.3.1 Disiplin Rapid 9 pusingan Swiss
  - 8.3.2 Disiplin Blitz 11 pusingan Swiss
- Nota: Penganjur berhak menambah atau mengurangkan jumlah pusingan sekiranya terdapat penambahan atau pengurangan pemain yang bertanding.*
- 8.4 Kawalan masa yang akan digunakan adalah seperti berikut:
- 8.4.1 Disiplin Rapid 15 minit dengan 10 saat tambahan
  - 8.4.2 Disiplin Blitz 3 minit dengan 2 saat tambahan
- 8.5 Peraturan tambahan kejohanan adalah seperti berikut:
- 8.5.1 Tiada masa menunggu ditetapkan
  - 8.5.2 Peserta tidak dimestikan untuk merekod pergerakan
  - 8.5.3 Pertandingan akan direkodkan sebagai MCF Rated
- 8.6 Sistem pemutus yang akan digunakan adalah seperti berikut:
- 8.6.1 Pertemuan Peribadi (Direct Encounter)
  - 8.6.2 Buchholz Cut 1 (Mata lawan terendah tidak di kira)
  - 8.6.3 Buchholz (Jumlah mata lawan)
  - 8.6.4 Sonneborn Berger (Jumlah mata lawan terpilih)
  - 8.6.5 Progressive Score (Jumlah mata kutipan setiap pusingan)



## KBS MASTERS GAMES 2024

### 9. PAKAIAN

- 9.1 Peserta mesti berpakaian kemas (smart casual), atau memakai t-shirt berkolar, dengan berkasut. Selipar atau sandal – yang menampakkan jari kaki, atau memakai t-shirt yang mempunyai tulisan atau kata-kata yang tidak berpatutan, adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 9.2 Peserta digalakkan memakai jaket atau blazer berserta kemeja, atau memakai t-shirt yang melambangkan semangat Malaysia.
- 9.3 Pihak penganjur berhak meminta pemain menukar pakaian sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan.

### 10. PEGAWAI TEKNIKAL PERTANDINGAN

- 10.1 Pihak Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan melantik satu (1) Ketua Delegat Teknikal, satu (1) Pengarah Pertandingan dan satu (1) Ketua Pengadil serta pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan **Persekutuan Catur Malaysia (MCF)**.
- 10.2 Ketua Delegat Teknikal dan Pengarah Pertandingan yang dilantik akan dipilih terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Persekutuan Catur Malaysia.
- 10.3 Ketua Pengadil yang dilantik adalah Arbiter bertaraf Antarabangsa (International Arbiter) yang di calonkan oleh Persekutuan Catur Malaysia.
- 10.4 Semua keputusan yang di buat oleh pengadil / pegawai pertandingan adalah muktamad.

### 11. BANTAHAN / TATATERTIB

- 11.1 Semua peserta boleh membuat bantahan. Bantahan perlu dilaksanakan secara bertulis dan ditandatangani oleh pemain yang terlibat, dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja tunai)**.
- 11.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar/tidak berjaya.
- 11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Delegat Teknikal **dengan segala bukti nyata** dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan permainan yang berkaitan tamat dimainkan.
- 11.4 Keputusan setiap bantahan adalah muktamad dan tiada bantahan atau rayuan tambahan akan dilayan atau dibenarkan dari mana-mana pihak.



## KBS MASTERS GAMES 2024

### 12. JAWATANKUASA BANTAHAN / TATATERTIB

- 12.1 Pelantikan Jawatankuasa Bantahan / Tatatertib dan prosedur atur cara mesyuarat adalah mengikut kaedah yang diguna pakai oleh Persekutuan Catur Malaysia.
- 12.2 Jawatankuasa Bantahan / Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.
- 12.3 Jawatankuasa Bantahan / Tatatertib akan bersidang dalam masa dua jam setelah menerima laporan daripada Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 12.4 Jawatankuasa Bantahan / Tatatertib adalah seperti berikut :
  - 12.4.1 Ketua Delegat Teknikal
  - 12.4.2 Pengarah Pertandingan
  - 12.4.3 Lima (5) pemain yang di lantik semasa taklimat pemain
- 12.5 Sekiranya keputusan bantahan/rayun tidak dapat di putuskan pada jangka masa yang ditetapkan, bagi tujuan meneruskan pertandingan untuk pusingan-pusingan yang seterusnya, setiap keputusan permainan antara pemain-pemain yang terlibat di dalam bantahan atau rayuan yang dikemukakan akan di ambil kira sebagai "seri".
- 12.6 Keputusan muktamad akan di kemaskini sebaik sahaja keputusan bantahan/rayuan telah diputuskan oleh Jawatankuasa Bantahan / Tatatertib
- 12.7 Setiap bantahan yang diterima, tidak boleh di tarik balik melainkan mendapat persetujuan Ketua Delegat Teknikal dan Pengarah Pertandingan.

### 13. PENGGUNAAN DADAH

- 13.1 Menggunakan sebarang dadah, alkohol, ubat perangsang atau suntikan ke dalam bahagian badan sama ada sebelum atau ketika pertandingan, kepada atau oleh peserta adalah dilarang sama sekali.
- 13.2 Setiap peserta yang melanggar undang-undang akan dibatalkan penyertaan di **KBS MASTERS GAMES 2024**.



## KBS MASTERS GAMES 2024

### 14. HADIAH-HADIAH

14.1 Jumlah pingat yang disediakan adalah seperti berikut:

BIL	ACARA	KATEGORI UMUR	PINGAT		
			EMAS	PERAK	GANGSA
1.	Catur Rapid Terbuka	40 tahun dan ke atas (Juara Keseluruhan)	1	1	1
2.	Catur Rapid Terbuka	40 tahun dan ke atas (Terbaik Wanita)	1	1	1
3.	Catur Blitz Terbuka	40 tahun dan ke atas (Juara Keseluruhan)	1	1	1
4.	Catur Blitz Terbuka	40 tahun dan ke atas (Terbaik Wanita)	1	1	1
<b>JUMLAH</b>			<b>4</b>	<b>4</b>	<b>4</b>

### 15. JADUAL PERTANDINGAN

TARIKH	MASA	PERKARA	VENUE
21 NOV 2024	10:00PAGI 3:00PETANG	PENGESAHAN PENDAFTARAN UPACARA PEMBUKAAN	DEWAN BANQUET, TINGKAT 2, CASA 4 KOMPLEKS MSN
22 NOV 2024	9:00PAGI 10:00PAGI 11:00PAGI 3:00PETANG 4:00PETANG	TAKLIMAT PESERTA (RAPID) PUSINGAN 1 – RAPID PUSINGAN 2 – RAPID PUSINGAN 3 – RAPID PUSINGAN 4 – RAPID	
23 NOV 2024	9:00PAGI 10:00PAGI 11:00PAGI 3:00PETANG 4:00PETANG 5:30PETANG	PUSINGAN 5 –RAPID PUSINGAN 6 –RAPID PUSINGAN 7 –RAPID PUSINGAN 8 –RAPID PUSINGAN 9 –RAPID UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH	
24 NOV 2024	9:00PAGI 9:30PAGI 10:30PAGI 11:30PETANG 12:30PETANG	TAKLIMAT PESERTA (BLITZ) PUSINGAN 1 HINGGA PUSINGAN 4 PUSINGAN 5 HINGGA PUSINGAN 8 PUSINGAN 9 HINGGA PUSINGAN 11 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH	

### 16. PERUNTUKAN

16.1 Segala kos pengurusan penginapan, pengangkutan dan makanan adalah dibawah tanggungjawab peserta masing-masing.



---

## KBS MASTERS GAMES 2024

### 17. PERTANYAAN

- 16.1 Segala pertanyaan berhubung kejohanan acara catur ini boleh dimajukan kepada Sekretariat Kejohanan sebagaimana butiran di bawah:

**Sekretariat MCF**

**Tingkat 1, No 10-1, Jalan Putra Permai**

**1BTaman Equine, Seri Kembangan**

**Selangor Darul Ehsan**

**Email: [mcfsecretariat@malaysiachess.org](mailto:mcfsecretariat@malaysiachess.org)**

**[office@malaysiachess.org](mailto:office@malaysiachess.org)**

**Contact: +6016.338.2542 (Sekretariat)**

**+6017.275.7276 (Ketua Arbiter)**

**+6017.694.1350 (Pengarah Pertandingan)**

***Pindaan Peraturan Pertandingan***

*Mesyuarat : Mesyuarat Penyelarasan KBS MASTERS GAMES 2024*

*Tarikh : 21.10.2024*

*Masa : 12:27 tengahari*

*Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Casa 4, MSN*